

ICERD hapus hak istimewa Melayu, bumiputera

UTUSAN MALAYSIA 01/11/2019

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER
pengarang@utusan.com.my

MS 06

■ KUALA LUMPUR 31 OKT.

MERATIFIKASI atau mengesahkan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) akan mengakibatkan berlakunya penghapusan kepada hak istimewa orang Melayu serta anak-anak negeri Sabah dan Sarawak.

Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad mendakwa, kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak berterus



"Dalam kata lain, hapuskan keistimewaan



SEBAHAGIAN daripada penyokong NGO-NGO Islam berarak membantah komitmen kerajaan meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

ikasi dilakukan bagi menge-lakkan berlakunya bantahan, sebaliknya mereka menuntut Malaysia mengesahkan konvensyen berkenaan.

“Apabila Malaysia menge-sahkannya, Perkara 153 dan dasar bersifat diskriminasi kaum yang dipersetujui sebagai balasan kepada persetujuan orang Melayu memberi kerakyatan kepada orang bu-kan Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan akan di-mansuhkan.

“Untuk mengelak banta-han orang Melayu dan kaum bumiputera, mereka menga-takan bahawa pengesahan tidak melibatkan peruntukan Perkara 153. Itu tidak betul,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Abdul Hamid mendakwa, alasan yang diberikan kera-jaan untuk memansuhkan Perkara 153 walaupun tidak pernah menyatakannya secara jelas adalah peruntukan terse-but menghalang kepada per-paduan dan pemansuhannya mampu merealisasikan usaha tersebut.

“Dalam kata lain, hapuskan keistimewaan orang Melayu serta bumiputera dan berikan hak sama, perpaduan akan wujud. Itu adalah hujah yang meleset. Ia adalah helah un-tuk memansuhkan Perkara 153. Semua pihak perlu sedar,” tegasnya.

Abdul Hamid berkata, seh-ingga ke hari ini, Malaysia

serta bumiputera dan berikan hak sama, perpaduan akan wujud. Itu adalah hujah yang meleset. Ia adalah helah untuk memansuhkan Perkara 153. Semua pihak perlu sedar.”

TUN ABDUL HAMID MOHAMAD

adalah satu daripada 15 ne-gara yang tidak mengesahkan ICERD termasuk Brunei dan Israel.

Beliau turut mengingatkan mereka yang berjuang untuk meratifikasi konvensyen ber-kenaan supaya jangan cuba memberi gambaran bahawa Malaysia adalah sebuah nega-ra teruk kerana Amerika Syarikat (AS) baharu sahaja berbuat demikian pada 1992.

Katanya, Malaysia juga se-belum ini sudah meratifikasi tiga konvensyen iaitu Kon-vensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terha-dap Wanita (1979), Konven-syen Mengenai Hak Kanak-kanak (1989) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (2006), namun perkara itu tidak dilakukan oleh AS.

Suatu malapetaka buat rakyat – Tuan Ibrahim

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Men-genai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) disi-fatkan sebagai satu malapetaka.

Pandangan itu dizahirkan Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tun Man yang menjelaskan tindakan meratifi-kasi konvensyen antarabangsa tersebut bakal mengubah tiang seri pembentukan Malaysia.

“Kalau kerajaan terima (ratifi-kasi), saya fikir mobilisasi besar

rakyat akan berlaku kerana im-plikasinya bukan hanya kepada orang Islam sahaja, tetapi ter-masuk Sabah, Sarawak dan hak istimewa bumiputera yang dija-min dalam Perlembagaan Perse-kutuan,” katanya dalam sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Terdahulu, Tuan Ibrahim serta beberapa wakil rakyat mengiringi Presiden parti, Da-tuk Seri Abdul Hadi Awang ber-temu dengan peserta himpunan membantah ICERD dianjurkan

Gerakan Pembela Ummah (Um-mah) di laluan masuk bangunan Parlimen dan menerima me-morandum bantahan daripada kumpulan tersebut.

Mengulas lanjut, Tuan Ibra-him berkata, tindakan meratifi-kasi ICERD akan menyentuh be-berapa sendi utama berkenaan hak asasi orang Melayu dan bumiputera yang dituntut di bawah Perkara 153 Perlemba-gaan Persekutuan serta bebera-pa peruntukan lain.

Terma 'pengecualian' boleh dibantah – Peguam

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Terma pengecualian atau *reservation* yang terdapat dalam ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Men-genai Penghapusan Segala Ben-tuk Diskriminasi Kaum (ICERD) boleh diisytihar sebagai tidak sah jika melanggar matlamat asal pe-nubuhannya.

Peguam, Yusfarizal Yussoff berkata, ada dalam kalangan ahli politik dan akademik men-cadangkan Malaysia meratifikasi ICERD dengan pengecualian se-bagai jalan tengah untuk tidak menolak secara menyeluruh tun-tutan antarabangsa.

Bagaimanapun, tegas beliau, pengecualian tersebut sekiranya melanggar matlamat asal ICERD

dan perkara itu boleh dibantah negara lain serta diisytiharkan se-bagai tidak sah.

“Yemen membuat pengecua-lian daripada melaksanakan Ar-tikel 5(c) jaminan hak penyertaan dalam politik dan pilihan raya, Artikel 5(d)(iv) hak berkahwin dan memilih pasangan, (iv) hak me-warisi harta, (vii) kebebasan ber-fikir, kesedaran dan agama yang perlu dijamin tanpa diskriminasi atas dasar kaum dan warna kulit. Pendek kata; Yemen tidak mahu terikat dengan hak-hak tersebut.

“Pengecualian ini mendapat bantahan 14 negara termasuk Australia, Belgium, Canada, Den-mark, Finland, France, Germany, Italy Mexico, Netherlands, New

Zealand, Norway, Sweden dan UK. Maka, pengecualian ini jadi tidak berguna dan tidak diiktiraf,” katanya dalam status di Fa-cebook beliau semalam.

Yusfarizal berkata, soalnya se-karang, kalau benar Malaysia perlu meratifikasikan ICERD, namun apa yang perlu dikecualikan dan adakah ia tidak bertentangan dengan mata-mat ICERD yang pastinya dibantah masyarakat antarabangsa.

Sementara itu, Presiden Ika-tan Guru-Guru Muslim Malaysia (I-Guru), Mohd. Azizee Hasan berkata, usaha meratifikasi akan membunuh peluang pendidikan anak-anak Melayu dan meng-gugat perpaduan serta keharmonian kaum.



Ratifikasi akan ubah struktur negara

Utusan Malaysia 01/11/2018 MS 07

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Komitmen kerajaan baharu membenarkan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) akan mengubah struktur negara termasuk institusi raja-raja.

Pengerusi Sekretariat Gerakan Pembela Ummah (Ummah), Aminuddin Yahaya berkata, walaupun isu ICERD bukan melibatkan rasuah dan salah guna kuasa, namun ia akan memamatkan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan.

"Hari ini kita minta kerajaan supaya berhenti mengeluarkan kenyataan mengelirukan berkenaan ICERD, hentikan juga sebarang usaha mana-mana pihak sama ada sedar ataupun tidak untuk meratifikasikan ICERD.

"Walau *reservation* pun seperti dinyatakan Menteri Agama (Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof) itu kita tolak kerana tidak mahu benda ini jadi *flood gate* yang akan mengakibatkan kita lebih ditekan," tegasnya.

Beliau berkata demikian

selepas menyerahkan memorandum bantahan kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial), Dr. Md. Farid Md. Rafik di bangunan Parlimen hari ini.

Terdahulu, hampir 300 ahli gabungan pelbagai NGO berhimpun secara aman di hadapan bangunan Parlimen membantah berhubung komitmen kerajaan meratifikasi ICERD.

Aminuddin memaklumkan, Md. Farid menjanjikan satu pertemuan dengan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi membincangkannya.

"Beliau (Md. Farid) berjanji membawa bantahan itu kepada Perdana Menteri dan satu perbincangan dengan menteri terlibat juga akan diatur.

"Kita harap ia diadakan secepat mungkin," katanya.

Jumaat lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P. Waytha Moorthy dilaporkan berkata, kerajaan komited meratifikasi enam triti hak asasi manusia termasuk ICERD pada 2019.

Petisyen tolak ICERD dapat sambutan

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Sejak enam hari dilancarkan petisyen menolak ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) mendapat sambutan di luar jangkaan.

Setakat pukul 5 petang tadi, petisyen yang dilancarkan Pengasas Malaysian Lawyers Circle (MLC), Lukman Sheriff Alias sudah ditandatangani 58,681 peserta.

Lukman sebelum ini menyasarkan 100,000 tanda tangan diperoleh untuk petisyen tersebut yang dilancarkan dalam laman web *Change.org*.

Petisyen berkenaan digunakan untuk membantah tindakan pihak berkuasa, selain dipersembahkan kepada pengetahuan Majlis Raja-Raja Melayu untuk tindakan lanjut.

"Sudah tentu saya mahu mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang sudi menandatangani petisyen yang amat penting itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Keranda diusung pada perhimpunan bantahan

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Bantahan rakyat khususnya orang Melayu dan Islam terhadap komitmen kerajaan untuk meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) tidak boleh dipandang sebarangan.

Bukan sekadar menzahirkan bantahan yang didakwa boleh memberi kesan negatif kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dalam platform media sosial atau pun forum intelektual, satu memorandum bantahan telah pun diserahkan kepada wakil kerajaan.

Dalam proses menghantar memorandum itu di Parlimen hari ini, satu perhimpunan aman turut diatur oleh Gerakan Pembeba Ummah (Ummah) yang dikatakan memayungi hampir 300 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu dan Islam di negara ini.

Berarak dari Padang Merbok ke laluan masuk Parlimen dengan jarak hampir satu kilometer, hampir 200 peserta daripada pelbagai peringkat usia dan latar belakang mengambil bahagian menzahirkan rasa tidak setuju dengan komitmen kerajaan untuk meratifikasi ICERD.

Sepanduk bantahan seperti *Pertahankan hak bumiputera, Pertahankan Perlembagaan negara, Pertahankan kuasa raja-raja dan Jangan cabar Perkara 153 tu-*



ABDUL HADI AWANG dan Tuan Ibrahim Tuan Man bersama ahli Parliman Pas dan NGO Islam menuju ke bangunan Parlimen dalam perhimpunan membantah komitmen kerajaan meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROSNi MASRI

rut diangkat sebagai manifestasi kebimbangan ratifikasi konvensyen antarabangsa itu.

Wakil-wakil rakyat, khususnya Pas diketuai Presiden parti itu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang serta timbalannya, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dilihat menyambut kehadiran peserta perhimpunan sepanjang perjalanan melaungkan bantahan terhadap

konvensyen itu.

Beberapa pemimpin NGO seperti Ketua Sekretariat Ummah, Aminuddin Yahaya; Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semanjung (GPMS), Zambri Mohd. Isa dan aktivis Semboyan 1Malaysia, Yusuf Azmi turut kelihatan mengetahui perhimpunan itu.

Kemuncaknya apabila sebuah keranda diusung masuk ke dalam

perhimpunan yang dipercayai sebagai simbolik kepada penghapusan hak orang Melayu dan bumiputera seperti termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan sekiranya ICERD diratifikasikan.

Walau bagaimanapun, perhimpunan itu berlangsung secara aman dan tiada sebarang kekecohan yang timbul.

Memorandum bantahan iuga

berjaya diserahkan kepada wakil ahli Parlimen iaitu Tuan Ibrahim dan wakil kerajaan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Md. Farid Md. Rafiq.

Seramai 10 wakil gerakan tersebut juga dibawa masuk ke Parlimen untuk membincangkan isu dan melontarkan pandangan mengenai ratifikasi ICERD itu dengan pihak bertanggungjawab